



28 APR, 2026

## Solar jana pendapatan Terengganu

Kosmo, Malaysia



# Solar jana pendapatan Terengganu

- Pelaburan fasa pertama RM1.96b
- 30% dimiliki Terengganu Inc.

Oleh NURSYASYA NADHIRAH ZABIDI

**KUALA TERENGGANU** – Projek Solar Terapung Hidro Hibrid yang sedang rancang dilaksanakan di Tasik Kenyir, Hulu Terengganu berpotensi membantu kerajaan negeri mengurangkan kebergantungan terhadap hasil royalti petroleum dalam tempoh jangka panjang.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Incorporated (Terengganu Inc.), Datuk Burhanuddin Hilmi Mohamed @ Harun berkata, projek berskala besar itu antara strategi utama kerajaan negeri bagi mempelbagaikan sumber hasil.

Jelasnya, fasa pertama projek itu diunjurkan menjana pulangan RM10 juta setahun kepada kerajaan negeri Terengganu bermula 2028, dengan pendapatan jualan tenaga solar sehingga RM6 bilion



FASA satu projek solar terapung yang sedang giat dilaksanakan di Tasik Kenyir, Hulu Terengganu.

bagi tempoh 21 tahun.

"Ia diharap dapat menjadi antara alternatif terhadap kebergantungan royalti petroleum," katanya pada sidang akhbar di

Wisma Terengganu Inc., di sini semalam.

Menurut beliau, fasa pertama projek berkenaan melibatkan pelaburan RM1.96 bilion dengan

kapasiti penjanaan tenaga sehingga 600 megawatt.

Ia turut dilengkapi Sistem Simpanan Tenaga Bateri berkapasiti 1.2 gigawatt jam yang meng-

gunakan teknologi terkini, bagi memastikan kecekapan tenaga.

"Projek ini merupakan usaha sama antara Terengganu Inc. dan TNB Genco, yang mana kami memiliki pegangan ekuiti sebanyak 30 peratus.

"Kami menasarkankan Tasik Kenyir mampu menjana kapasiti tenaga solar sehingga 2.5 gigawatt dalam tempoh lima hingga 10 tahun akan datang, dengan nilai pelaburan dianggarkan mencecah RM10 bilion," katanya.

Burhanuddin Hilmi menambah, projek solar terapung Tasik Kenyir itu berpotensi muncul sebagai projek terbesar di dunia seumpamanya, dengan fasa pembinaan dijangka membuka kira-kira 5,000 peluang pekerjaan dalam tempoh dua tahun, selain memberi limpahan ekonomi kepada komuniti setempat termasuk pengusaha inap desa dan peniaga kecil.

"Sekurang-kurangnya 15 peratus daripada nilai kontrak keseluruhan dianggarkan RM2 bilion akan diberikan kepada vendor serta kontraktor tempatan yang berdaftar di Terengganu," katanya.